

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) Tindakan yang telah diambil bagi meningkatkan keselamatan di kawasan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESS Zone) berikutan dengan beberapa siri penculikan (culik untuk tebusan) yang berlaku baru-baru ini; dan
- (b) Usaha Kementerian untuk meningkatkan keyakinan rakyat Malaysia dan pelabur asing bahawa kawasan tersebut adalah selamat.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah pengukuhan dan memperketatkan kawalan keselamatan khususnya di pusat peranginan, sangkar ikan dan laluan-laluan berisiko telah memaksa *kidnap for ransom group* (KFRG) menukar *modus operandi* dengan menyerang bot-bot tunda yang belayar di kawasan sempadan perairan antarabangsa. ESSCOM telah mengambil pelbagai inisiatif jangka pendek, sederhana dan jangka panjang dalam memastikan ESSZONE selamat untuk pelancong dan komuniti maritim setempat.

Inisiatif jangka pendek yang diambil adalah seperti berikut:

- i. Memperkukuhkan penempatan pasukan keselamatan di daratan sepanjang ESSZONE khususnya di kawasan/laluan berisiko tinggi;
- ii. Mengatur gerak vesel-vesel di sepanjang perairan ESSZONE, khususnya di kawasan laluan-laluan yang telah dikenal pasti bagi mewujudkan *visual presence and deterrence*;
- iii. Mengerakkan *response team* ke lokasi-lokasi strategik untuk mempercepatkan tindakbalas;
- iv. Mengoptimumkan sistem pengawasan radar dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah dan Kapal Auxiliary Tun Azizan (*seabasing*), radar *point defence* dari 3 buah pulau, sistem kamera jarak jauh *Big Eye* di pulau-pulau strategik, pengawasan pesawat udara maritim dan *unmanned aerial vehicle* (UAV).
- v. Meningkatkan perkongsian maklumat dan risikan antara agensi dan juga dengan agensi perisikan Filipina.

- vi. Melaksanakan operasi-operasi di daratan dan laut (OP BERSEPADU, OP GASAK, OP GASAK LAUT dan OP KHAS) sebagai usaha pencegahan dan sebagai *show of force*;
- vii. Melancarkan operasi-operasi khas memburu sarang-sarang penjenayah/tali barut Abu Sayaf Group (ASG) dari semasa ke semasa;
- viii. Memberi perlindungan keselamatan pelayaran vesel-vesel yang melalui perairan ESSZONE dengan tindakan-tindakan berikut:
  - a) *Routing advice* bagi menghindari laluan-laluan berisiko tinggi.
  - b) *Notice to mariners* dan menghebahkan navtext oleh jabatan laut malaysia bagi menasihatkan vesel-vesel mengambil langkah berjaga-jaga apabila melalui perairan yang berisiko tinggi.
  - c) Membayangi (*shadows*) dan mengiringi vesel-vesel selaras ancaman semasa.
  - d) *Engagement* dengan persatuan perkapalan, agen perkapalan dan nakhoda dalam memastikan tindakan *shipboard preventive measures* dilaksanakan dengan serius.

Langkah sederhana dan jangka panjang yang dilaksanakan oleh ESSCOM adalah seperti berikut:

- i. Pewujudan *High Level Committee* antara Malaysia dan Filipina dalam menangani isu-isu keselamatan di persempadanan antara dua negara.

- ii. Membangunkan Pusat Informasi Bersepadu (termasuk pertukaran pegawai antara negara) bagi meningkatkan *maritime domain awareness* bagi perkongsian maklumat antara negara.
- iii. Latihan berkala antara negara bagi membina *inter-operability*.
- iv. Memperkukuhkan kerjasama perisikan antara negara.

Selain itu, ESSCOM juga telah mengambil tindakan-tindakan berikut untuk menambahkan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap tahap keselamatan di ESSZONE:

- i. Melaksanakan program-program *engagement* bersama operator-operator pusat peranginan/pelancongan, persatuan nelayan, komuniti setempat dan persatuan-persatuan/dewan perniagaan;
- ii. Melaksanakan operasi-operasi dalam membersihkan unsur-unsur jenayah di ESSZONE; dan
- iii. Meningkatkan *visual presence* dan *community policing*.

Hasilnya, ESSCOM telah berjaya meningkatkan keyakinan pelancong terhadap tahap keselamatan di ESSZONE. Pengusaha-pengusaha resort di ESSZONE melaporkan bahawa kadar *occupancy* meningkat dari 40 - 60 peratus pada Januari - Ogos 2015 kepada 60 - 80 peratus pada enam (6) bulan berikutnya (September 2015 – Februari 2016).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 18 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 38**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian akan membatalkan saman AES sebelum 18 September 2013 di mana AES di swastakan dan diuruskan oleh dua syarikat swasta. Kalau tidak, apakah sebabnya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya tidak bercadang untuk memansuh atau membatalkan saman-saman AES memandangkan saman-saman AES yang dikeluarkan adalah sah (*valid*) dan teratur dari aspek perundangan. Pemansuhan atau pembatalan saman adalah tidak bertepatan dan bercanggah dengan dasar dan prinsip Kerajaan untuk melaksanakan penguatkuasaan yang berkesan di samping memperkukuhkan aspek keselamatan jalan raya.